

## UMS Perlu Kreatif Hasilkan Buku Mesra Pembaca

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 28 Februari 2020 14:19 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 89



**JUMAAT, 28 FEBRUARI** – Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Penerbit UMS disaran agar menerbitkan buku-buku yang bersifat ilmiah tetapi mesra pembaca dan mudah difahami.

Naib Canselor UMS, Prof. ChM Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, UMS sebagai *game changer* dalam pembangunan masyarakat di negeri Sabah mengutamakan penyelidikan yang mampu mengubah kualiti kehidupan masyarakat dengan memindahkan teknologi dari penyelidik universiti dan menggabungkan kearifan tempatan demi pembangunan mapan.

“Semua itu perlu diterjemah kepada bahan bacaan, dan saya menggesa Penerbit UMS untuk menerbitkan buku-buku sedemikian.

“Penerbit UMS harus berupaya menawarkan lanskap buku yang berlainan, kerana seperti yang kita dapat lihat trend di Malaysia adalah pembaca meminati cerita fiksyen, kurang membeli karya terbitan tempatan, dan lebih senang mengeluarkan duit untuk tengok wayang.

“Justeru, penerbit buku ilmiah perlulah kreatif untuk mengembangkan nic pasaran untuk buku ilmiah,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Perasmian Pasar Buku Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) – UMS di Ruang Megalab, Perpustakaan UMS baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul.

Menurut Datuk Dr. Taufiq, kepesatan teknologi dan trend penerbitan ke arah penerbitan elektronik seharusnya digunakan sepenuhnya oleh penerbit.

Terdahulu, Pengarah Penerbit UMS, Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat berkata, matlamat penganjuran program Pasar Buku DBP-UMS ini adalah bertujuan untuk menjual buku dan menggalakkan orang membeli dan membaca buku.

“Usaha ini memerlukan kesabaran yang tinggi serta penglibatan seluruh masyarakat untuk menggembung tenaga dan buah fikiran untuk menjayakannya kerana tidak mudah untuk menarik minat orang ramai untuk datang membeli buku dan menjadikan membaca sebagai amalan berterusan seseorang.

“Oleh hal yang demikian tanggungjawab kita terutamanya warga universiti dan tentunya agensi kerajaan seperti DBP adalah keperluan kita menjadikan budaya membaca ini sebagai satu amalan dan tanggungjawab bersama,” kata Dr. Asmiaty.

Program ini juga katanya menjadi platform dalam mempromosikan 41 judul buku yang diterbitkan dan dilancarkan UMS pada tahun 2019.

Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Pengarah DBP Cawangan Sabah, Rosdi Awang; Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof; dan Ketua Pustakawan UMS, Zawawi Tiyunin.